

MPP Unisza dan Medisza anjur National Pre-Housmanship Workshop 2018

# Persediaan graduan perubatan

NURUL HUDA HUSAIN

**GONG BADAK** - Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) dan Persatuan Mahasiswa Perubatan Unisza (Medisza) mengambil inisiatif menganjurkan National Pre-Housmanship Workshop 2018.

Program yang berlangsung di Unisza Kampus Gong Badak itu disertai 101 graduan perubatan dari universiti dalam dan luar negara antaranya Ireland, India, Indonesia dan Rusia.

Bengkel yang julung kali diadakan itu bertujuan memberi pendedahan dan persediaan kepada graduan sebelum menjadi Pegawai Perubatan Prasiswazah.

Peserta, Zainal Zulkifli berkata, penyertaan dalam bengkel itu banyak membantunya dalam persediaan menjadi seorang doktor pada bulan depan.

"Tahun ini amat mencabar bagi kami kerana kakitangan kontrak baru yang diperkenalkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memberi impak yang sangat besar dan memerlukan kami bersedia dari segi fizikal serta mental sebelum menjawat jawatan tersebut," katanya yang merupakan graduan perubatan dari Unisza.

Manakala bagi seorang lagi peserta, Siti Nor Hidayah Zainuddin berkata, dia gembira kerana berpeluang menghadiri bengkel itu kerana ia murah dan begitu berpatutan.

"Kursus ini sering kali diadakan di kawasan sekitar Kuala Lumpur dan Lembah Kelang tetapi program berkenaan terlalu singkat dan slot yang disediakan tidak memenuhi kehendak kami pada masa kini.

"Kos sekitar RM1,300 hingga RM1,600 menyebabkan ramai graduan seperti kami tak mampu sertai bengkel berkenaan," katanya.

Siti Nor Hidayah yang juga graduan perubatan dari Universiti College Cork, Ireland itu berkata, program sedemikian merupakan inisiatif baik kepada graduan perubatan untuk hadir kerana tiga kali lebih murah berbanding kursus di luar dengan khidmat bantuan pensyarah dari Fakulti Perubatan Unisza.

SINAR HARIAN
31 JANUARI 2018